

12/05/2001

Bidang perguruan terus dikuasai wanita

Syuhada Choo Abdullah

MASIH terdapat sebahagian besar generasi muda, khususnya lelaki yang memandang rendah terhadap profesion keguruan, malahan ada yang menyifatkan kerjaya itu sebagai pilihan kedua.

Walaupun kerajaan melakukan pelbagai usaha bagi meningkatkan martabat profesion keguruan, termasuk memperkenalkan Diploma Perguruan Malaysia (DPM) pada 1996, namun masih gagal menarik mereka menyertai kerjaya itu.

Keadaan itu menyebabkan profesion keguruan dikuasai oleh golongan wanita berbanding lelaki.

Perkembangan yang kurang sihat itu turut diakui oleh Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Lulusan Maktab Semenanjung Malaysia (KKGLMSM), Md Bashah Abd Razak, yang menyifatkannya sebagai tidak wajar dibiar berlarutan.

Beliau berkata, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan golongan beliau khususnya lelaki, kurang meminati profesion keguruan dan memilihnya hanya selepas gagal memperoleh pekerjaan lain.

Meskipun mendidik tugas mulia namun kebanyakan mereka tetap menganggap ia kerjaya kurang menarik berbanding peluang pekerjaan lain yang menawarkan pengalaman dan insentif lebih baik.

"Guru bukan saja perlu sentiasa bergerak dinamik dan mempunyai inisiatif mempertingkatkan penguasaan ilmu pengetahuan untuk disampaikan kepada pelajar, tetapi juga memikul tanggungjawab yang besar.

"Guru turut berdepan dengan pelbagai kerenah pelajar dan perlu menangani setiap isu secara bijaksana. Ini kerana mereka sering terdedah dengan tindakan melulu sesetengah ibu bapa," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Sungguhpun demikian, Md Bashah menegaskan, generasi muda harus menilai profesion keguruan dari perspektif yang positif.

Namun, katanya, bidang keguruan menjadi pilihan sebahagian besar golongan wanita dan setiap tahun merekalah paling ramai memasuki maktab perguruan.

Beliau berkata, tugas sebagai guru mulia dan bakti dicurahkan akan membawa faedah untuk selama-lamanya sebagai pembentuk keperibadian bangsa tanah air.

Tambahan pula, katanya, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan bidang kerjaya itu dari semasa ke semasa, termasuk menaikkan kadar gaji serta menyediakan insentif lain seperti rumah guru dan dari segi perjawatan.

Sehubungan itu, katanya, tema sambutan Hari Guru 2001 yang akan diraikan pada 16 Mei ini, iaitu 'Memartabatkan Profesion Keguruan Tanggungjawab Bersama', perlu dihayati bersama dengan penuh kesedaran.

"Hari Guru hendaklah disambut sebagai suatu perayaan istimewa untuk guru dan harus dihayati serta diraikan oleh pelajar bersama ibu bapa sebagai pengiktirafan terhadap tugas, jasa dan bakti mereka," katanya.

Menurut Md Bashah, pengemblengan usaha daripada semua pihak merangkumi guru sendiri, pelajar, masyarakat, Kementerian Pendidikan serta agensi lain, amat penting ke arah merealisasikan pengisian tema berkenaan.

Beliau berkata, ini bermakna kerjasama bersepadu serta budaya tegur-menegur secara positif adalah perlu untuk mengenal pasti segala kekuatan dan kelemahan ke arah membangun serta memperkukuhkan bidang pendidikan negara.

Bersesuaian dengan sambutan Hari Guru 2001 yang bakal menjelang, KKGLMSM mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Cabaran dan Penyatuan Guru di

Auditorium Parcel B, Jabatan Perdana Menteri, 25 Mei ini.

Seminar itu akan dihadiri kira-kira 500 peserta dari kalangan ahli KKGLMSM, guru pelatih tahun akhir di maktab perguruan, wakil Persidangan Kebangsaan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Malaysia dan Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia, serta semua pengarah jabatan pendidikan negeri (JPN).

Md Bashah berkata, antara pengisian seminar itu ialah sesi bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.